

MESYUARAT PEMERINTAHAN PANGLIMA TENTERA UDARA SIRI 1/18

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2948-mesyuarat-pemerintahan-panglima-tentera-udara-siri-1-18

GENTING HIGHLANDS, 24 Jan 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah mempengerusikan Mesyuarat Pemerintahan Panglima Tentera Udara Siri 1/2018 yang berlangsung di Grand Ion Delemen Hotel bermula hari ini hingga 26 Jan 18.

Mesyuarat dwi-tahunan ini merupakan satu platform untuk Panglima Tentera Udara menyampaikan arahan dan dasar-dasar baru perkhidmatan kepada semua peringkat Komander. Interaksi secara terus di antara pucuk tertinggi TUDM dengan Komander dipelbagai lapisan pemerintahan ini diharap dapat menjana perbincangan yang positif demi menentukan segala arahan dan dasar yang diputuskan dapat dilaksanakan sewajarnya.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM; Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutualib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM, Panglima-panglima Pemerintahan, AKS-AKS Bahagian, Ketua Staf, Pengarah-pengarah, Komander Pangkalan serta Pegawai-pegawai Memerintah dari Skn-skn Penerbangan.



